

# ABU AL-BARAKAT AL-BAGHDADI (467-547H) : SUATU BIOGRAFI

Oleh  
Wan Suhaimi Wan Abdullah\*

## Abstract

*The article deals with Abu al-Barakat al-Baghdadi's life and works. It attempts to give a complete biography of the figure, as one of the great critique thinker in the history of the Islamic Philosophy.*

## PENDAHULUAN

Nama-nama seperti al-Ghazali (m. 505H/1111M), Fakhr al-Din al-Razi (m. 696H/1209M) dan Ibn Rusyd (m. 595H/1198M) biasa disebut dalam sejarah Pemikiran dan Falsafah Islam sebagai tokoh-tokoh pengkritik Falsafah Peripatetik Islam khususnya falsafah Ibn Sina (m. 426H/1037M) dan al-Farabi (m. 339H/950M). Sejarah seakan mengabaikan tokoh-tokoh pengkritik lain dari berbagai disiplin ilmu samada dari golongan mutakallimun, ahli falsafah, sufi ataupun dari kalangan saintis dan tokoh perubatan yang banyak memberi saham terhadap perkembangan Pemikiran Islam.

Abu al-Barakat al-Baghdadi adalah contoh pengkritik falsafah dari kalangan saintis dan pakar perubatan yang kurang mendapat tempat dalam sejarah Falsafah Islam. Ini mungkin disebabkan popularitinya dalam bidang sains dan perubatan mengatasi popularitinya dalam bidang falsafah. Atau mungkin juga latar belakangnya sebagai seorang Islam yang asalnya beragama Yahudi telah melabelkannya sebagai pemikir Yahudi dan bukannya pemikir Islam. Ini jelas dari penelitian sumber-sumber rujukan tentang beliau di mana kebanyakan sumber tentang Falsafah dan Pemikiran Yahudi menyebut beliau sebagai tokoh Pemikiran Yahudi dan sebaliknya jarang terdapat sumber-sumber tentang Pemikiran Islam yang menggolongkannya ke dalam golongan Pemikir Islam.

---

\*Pensyarah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Memandangkan fenomena ini, penulis merasakan perlu diketengahkan beliau sebagai seorang lagi tokoh dan model failasuf Islam. Ini sebagai pembuka jalan ke arah kajian yang lebih terperinci terhadap pemikiran beliau demi menilai dan melihat di manakah sebenarnya kedudukan beliau dan pemikirannya dalam sejarah Pemikiran Islam.

## NAMA DAN KELAHIRANNYA

Beliau ialah Hibat Allah b. 'Ali b. Malka al-Baladi al-Baghdadi yang dikenali dengan gelaran Auhad al-Zaman Abu al-Barakat al-Baghdadi atau Ibn Malka al-Baladi.<sup>1</sup> Beliau juga dikenali di kalangan orang-orang Yahudi dengan nama *Nathanael*, nama Hebrew yang bermaksud "Pemberian Allah".<sup>2</sup>

Sehingga kini tidak dapat dipastikan dengan tepat tentang tempat dan tarikh lahir Abu al-Barakat. Sumber-sumber yang ada mengemukakan maklumat-maklumat yang berbeza tentang perkara ini.

Misalnya berkenaan dengan tempat lahirnya, berbagai-bagai riwayat diperkatakan. Ibn Abi Usaibiah menyebut *Balad* sebagai tempat lahir Abu al-Barakat tanpa menjelaskan kawasan manakah yang dimaksudkannya itu.<sup>3</sup> Fakta ini adalah terlalu umum kerana nama ini terkenal sebagai nama kepada beberapa buah bandar seperti bandar lama yang terletak berdekatan dengan bandar Mausil atau Musul yang terletak berhampiran dengan sungai Dijlah di Iraq. Bandar-bandar lain yang juga

---

<sup>1</sup>Para sejarawan dan pengkaji umumnya bersependapat tentang nama ini. Namun Ibn Khallikan dalam tulisannya menyebut nama datuk Abu al-Barakat sebagai *Malkan* dan bukannya *Malka*. Pendapat ini disokong oleh Da'irat al-Ma'arif al-Bustani. Lihat *Wafayat al-A'yan*, ed. : Dr. Ihsan 'Abbas, Beirut, t.t, j. 6, hlm. 76 dan *Da'irat al-Ma'arif al-Bustani (D.B)*, Beirut, 1883, j. 1: art. *Ibn Malkan*. Manakala Omar Kahalah pula menggunakan kedua-dua nama ini dalam bukunya *Mu'jam al-Muallifin*, lihat buku tersebut cet. Beirut, t.t. j. 3: art. *Abu al-Barakat ibn Malkan* dan j.13 : art. *Hibat Allah Auhad al-Zaman*.

<sup>2</sup>Lihat *Encyclopaedia Judaica (E.J)*, Jerusalem, 1974, vol. 8, art. *Hibat Allah*, S. Pines (1979), *Studies in Abu'l-Barakat's Poetics and Metaphysics (The Collected Works)*, Leiden, vol. 1, pg. 256 dan H. Corbin (1966), *Histoire de la Philosophie Islamique*, Terj. Arab bertajuk *Tarikh al-Falsafah al-Islamiyah* oleh N. Marwa dan H. Qubaisi, Beirut, hlm. 268.

<sup>3</sup>Lihat '*Uyun al-Anba' fi Tabaqat al-Atibba'*, Beirut, 1987, j. 1, art. *Auhad al-Zaman Abu al-Barakat*. Lihat juga L. Leclerc, *Histoire de la Médecine Arabe*, New York (Reprinted of the originally pub. In Paris 1876), t. 2, p. 29, S. Pines, *Abu al-Barakat*, dalam *Encyclopaedia of Islam (E.I)* (Terj. Arab) Kaheerah, t.t. j. 1.

terkenal dengan nama *Balad* ini antaranya ialah bandar Karkh berhampiran Baghdad, bandar Marw yang terletak di Turkmanistan dan bandar Ruse di Bulgaria.<sup>4</sup>

Pandangan lain mengatakan Abu al-Barakat dilahirkan di Basrah.<sup>5</sup> Pandangan ini agak asing kerana tiada fakta-fakta yang menyokongnya. Tambahan pula kesemua sumber-sumber yang menyebut tentang Abu al-Barakat menggelarnya samada dengan gelaran *al-Baghdadi* nisbah kepada Baghdad atau gelaran *al-Baladi* nisbah kepada Balad.<sup>6</sup> Jadi berdasarkan maklumat-maklumat ini penulis bersetuju dengan pandangan yang mengatakan bahawa Abu al-Barakat dilahirkan di Balad di mana beliau menghabiskan usia kanak-kanaknya kemudian berhijrah ke Baghdad dan dikenali dengan gelaran *al-Baladi* dan *al-Baghdadi*.<sup>7</sup>

Manakala tarikh lahirnya pula, tiada sumber sejarah yang memperkatakan tentang perkara ini. Maklumat-maklumat yang didapati dari sumber-sumber moden adalah tidak tepat dan berbeza antara satu sama lain dan kebanyakannya didasarkan kepada tarikh meninggal dan umur beliau.<sup>8</sup> Ini di samping kesulitan lain di mana para sejarawan telah berbeza pendapat tentang tarikh meninggal dan umur Abu al-Barakat.

Walaupun bagaimanapun dalam hal ini penulis bersependapat dengan pandangan yang mencadangkan tahun 467H/1074M sebagai tahun kelahiran Abu al-Barakat. Pandangan ini walaupun bukan suatu pandangan yang pasti, namun sekurang-kurangnya ia adalah pandangan yang paling hampir dengan realiti kehidupan Abu al-Barakat mengikut pandangan penulis. Ini adalah kerana ia disandarkan kepada dua hujah berikut:

Pertama: Umur terpanjang Abu al-Barakat yang pernah disebut oleh para

---

<sup>4</sup>Lihat Yaqut, *Mu'jam al-Buldan*, dinukil dari Dr. Ahmad Tayyib, *Mauqif Abi al-Barakat al-Baghdadi min al-Falsafat al-Masya'iyah*, tesis Ph.D di Fakulti Usuluddin, Univ. al-Azhar, Kaherah, 1977, hlm. 12.

<sup>5</sup>Lihat *The Jewish Encyclopaedia (J.E)*, New York, 1904, vol. 6, art. *Hibat Allah*.

<sup>6</sup>Lihat Dr. A. Tayyib, *op.cit*.

<sup>7</sup>Lihat L.Leclerc, *Histoire*, t. 2, p. 29, Dr. Suhir Fadl Allah, *Falsafat Abi al-Barakat al-Baghdadi*, disertasi M.A di Fakulti Siswi, Univ. 'Ain Syams, 1967, hlm. 2, Dr. Abu Sa'dah (1993), *al-Wujud wa al-Khulud fi Falsafah Abi al-Barakat al-Baghdadi*, Kaherah, hlm. 34.

<sup>8</sup>Lihat misalnya S. Pines dalam *E.I* (terj. Arab) menyebut tarikh lahir Abu al-Barakat dengan katanya: "Seawal-awalnya pada tahun 470H/1077M". Ini setelah beliau menerima pendapat yang mengatakan Abu al-Barakat meninggal pada tahun 560H dan hidup selama 90 tahun.

sejarawan ialah selama 90 tahun solar<sup>9</sup> yang bersamaan lebih kurang 93 tahun lunar. Manakala tarikh meninggal beliau yang terakhir yang disebut oleh para sejarawan ialah pada tahun 560H.<sup>10</sup> Di sini sekiranya ditolak dari tahun meninggalnya 93 tahun, hasilnya ialah tahun 467H iaitu tarikh lahirnya.

Kedua: Umur terpendek Abu al-Barakat yang pernah disebut oleh para sejarawan ialah selama 80 tahun<sup>11</sup> dan tarikh meninggalnya yang terawal ialah pada tahun 547H.<sup>12</sup> Di sini juga, sekiranya ditolak dari tahun meninggalnya 80 tahun, hasilnya adalah tahun 467H. Jadi berdasarkan kepada kedua-dua andaian ini penulis berpendapat bahawa tarikh lahir Abu al-Barakat ialah pada tahun 467H.<sup>13</sup>

## KEHIDUPAN ILMIAH DAN KEMASYARAKATANNYA

Ibn Abi Usaibi'ah menyebut bahawa Abu al-Barakat menghabiskan sebahagian besar usianya di Baghdad. Beliau menetap di suatu kawasan penempatan bangsa Yahudi di kota Baghdad.<sup>14</sup>

Dari sudut kehidupan ilmiah beliau, Ibn Abi Usaibi'ah adalah satu-satunya sejarawan yang memperkatakan sesuatu tentangnya. Beliau telah menceritakan kisah pembelajaran Abu al-Barakat dalam bidang kedoktoran, katanya:

*“Kisah perbelajarannya (Abu al-Barakat) dalam bidang kedoktoran bermula di mana terdapat seorang tokoh yang masyhur dalam bidang*

<sup>9</sup>Lihat al-Baihaqi (1988), *Tarikh Hukama' al-Islam*, ed. M. Kurdi 'Ali, Damsyik, hlm. 152 dan —, (1351H), *Tatimmat Siwan al-Hikma*, Lahore, hlm. 151.

<sup>10</sup>Lihat al-Safadi (1911), *Nukat al-Humyan fi Nukat al-'Umyan*, Kaherah, hlm. 304.

<sup>11</sup>Lihat *Ibid* dan Ibn Abi Usaibi'ah, *'Uyun*, j. 1. hlm. 299.

<sup>12</sup>Lihat al-Baihaqi, *Tarikh*, hlm.151 dan *Tatimmah*, hlm. 152.

<sup>13</sup>Lihat al-Sayyid Sulaiman al-Nadwi, *Kitab al-Mu'tabar wa Sahibuh*, di akhir *Kitab al-Mu'tabar*, karya Abu al-Barakat, Hyderabad, 1358 H, hlm. 230. Diantara pengkaji yang bersependapat dengan pandangan ini ialah Dr. Abu Sa'dah, lihat *al-Wujud*, hlm. 34.

<sup>14</sup>Lihat Ibn Abi Usaibi'ah, *'Uyun*, j.1, hlm. 296 dan 299. Fenomena ini ditafsirkan oleh sesetengah pengkaji sebagai tradisi golongan minoriti yang dihimpunkan oleh agama dan bahasa yang sama. Lihat Dr. Abu Sa'dah, *op.cit*.

<sup>15</sup>Beliau dianggap “di antara pakar yang masyhur dalam bidang kedoktoran. Beliau juga mahir dan masyhur dalam ilmu-ilmu falsafah. Beliau hidup di zaman Khalifah al-Muqtadi bi AmriLah dan telah berkhidmat kepadanya dan juga kepada anaknya Khalifah al-Mustazhir bilLah”, lihat *'Uyun*, art. *Sa'id b. Hibat Allah*.

*kedoktoran bernama Abu al-Hasan Sa'id b. Hibat Allah b. Husain.<sup>15</sup> Beliau sering dikunjungi ramai murid dan tidak menerima bangsa Yahudi sebagai muridnya. Abu al-Barakat berminat dan bercita-cita untuk belajar darinya dan berusaha untuk itu dengan berbagai cara namun beliau gagal. Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai khadam kepada sheikh tersebut dan telah mencuri dengar semua pelajaran dan perbincangan-perbincangan ilmiah dari bahagian lobi rumah sheikh. Segala pelajaran yang didengarinya itu difahami dan dihafaznya.*

*Pada suatu hari setelah lebih kurang setahun lamanya, timbul satu permasalahan dalam majlis sheikh. Para murid telah membuat perbincangan untuk mencari penyelesaiannya namun tiada penyelesaian yang ditemui. Tatkala Abu al-Barakat mengetahui jawapannya beliau terus mengadap sheikh dan melayannya sambil berkata: "Izinkan saya memperkatakan sesuatu tentang masalah ini?" Kata sheikh: "Katakanlah sekiranya kamu mempunyai sesuatu untuk diperkatakan". Lalu beliau menjawab permasalahan tersebut dengan berpandukan kata-kata Galen dan berkata: "Wahai tuanku, ini telah berlaku di sekian hari, pada sekian bulan, di sekian tempat dan telah melekat pada pemikiran hamba sejak dari saat itu". Sejak dari itu sheikh mula mengkagumi kepintarannya dan bertanyakan tentang kisah pembelajarannya. Setelah mengetahui kisah pembelajarannya sheikh berkata: "Seorang yang sebegini sikapnya tak mungkin aku tegahnya dari mempelajari ilmu". Sejak dari hari itu beliau diterima belajar dan menjadi di antara murid terbaiknya".<sup>16</sup>*

Pembelajaran Abu al-Barakat dengan gurunya ini, mengikut al-Nadwi adalah pada sekitar tahun 489H/1095M.<sup>17</sup> Ini berdasarkan apa yang disebut oleh Ibn Abi Usaibi'ah dalam biografi Sheikh Sa'id b. Hibat Allah, katanya: "Abu al-Hasan Sa'id b. Hibat Allah masih hidup pada tahun 489H kerana aku dapati tulisannya pada bukunya *al-Talkhis al-Nizami* pada tahun tersebut. Abu al-Barakat telah mempelajari buku ini darinya".<sup>18</sup> Berdasarkan fakta ini al-Nadwi berpendapat bahawa Abu al-

---

<sup>16</sup>*Ibid*, j. 1, hlm. 296-297. Lihat juga kisah ini dalam al-Shahrazuri (1976), *Nuzhat al-Arwah wa Raudhat al-Afrah fi Tarikh al-Hukama' wa al-Falasifah*, Hyderabad, art. *Abu al-Barakat al-Baghdadi*, al-Safadi, *Nukat*, hlm. 304, *J.E.*, art. *Hibat Allah* dan L.Leclerc, *Histoire*, t. 2, p. 29-30.

<sup>17</sup>Lihat artikelnya dalam *Kitab al-Mu'tabar*, j. 3, hlm. 236.

<sup>18</sup>*Uyun*, art. *Sa'id b. Hibat Allah*.

Barakat ketika itu mungkin berusia sekitar tiga puluh tahun<sup>19</sup> ataupun dua puluh dua tahun berdasarkan tarikh lahir yang penulis kemukakan sebelum ini.

Ini adalah kisah pembelajaran Abu al-Barakat dalam bidang kedoktoran. Manakala pembelajarannya dalam bidang-bidang lain khususnya falsafah, tiada maklumat yang diperolehi berhubungan perkara ini walaupun beliau pernah digelar sebagai “ahli falsafah Iraq yang didakwa mencapai tahap Aristotle”.<sup>20</sup> Walau bagaimanapun berkemungkinan beliau ada mempelajari ilmu-ilmu ini dari gurunya Abu al-Hasan kerana Abu al-Hasan walaupun dianggap “di antara pakar perubatan yang disegani, beliau juga mahir dalam ilmu-ilmu falsafah dan masyhur dengannya”.<sup>21</sup>

Di samping itu “kecenderungan peribadi” yang ada pada Abu al-Barakat juga boleh dianggap sebagai faktor pendorong yang mendorong beliau untuk belajar sendiri ilmu-ilmu tersebut. Beliau ketika menceritakan tentang pembelajaran ilmu-ilmu falsafah menyebut:

*“Ketika tiba masa aku mempelajari ilmu-ilmu falsafah dengan membaca buku-buku yang dinukil dari ulama-ulama terdahulu dan [juga] tafsiran-tafsiran dan komentar-komentar serta karya-karya yang dikarang oleh ulama-ulama yang terkemudian, aku telah membaca banyak dan mengamatinya dengan tekun sehinggalah [akhirnya] aku memperoleh sedikit sahaja ilmu darinya”.*<sup>22</sup>

Katanya lagi:

*“Dan aku [juga] berusaha dengan pemikiran dan pengamatan dalam [usaha untuk] mencapai maksud-maksud dan memahaminya serta [memperolehi] ilmu-ilmu [falsafah] dan menguasainya. Maka [tercapai] kata sepakat dalam sesetengah perkara dengan sesetengah [ulama] dan bercanggah dalam perkara lain dengan sesetengah pandangan-pandangan ulama terdahulu, kemudian terhasil dari pengamatan yang menyeluruh terhadap halaman kewujudan [perkara-perkara] tersebut*

<sup>19</sup>*Op.cit.* Ini setelah beliau menerima, berdasarkan riwayat al-Baihaqi, bahawa tarikh lahir Abu al-Barakat ialah pada tahun 460H, *Ibid*, hlm. 235. Lihat juga Dr. Suhir, *Falsafah Abi al-Barakat*, hlm. 16.

<sup>20</sup>Al-Baihaqi, *Tarikh*, hlm. 152 dan *Tatimmat*, hlm. 150.

<sup>21</sup>Ibn Abi Usaibi'ah, *Uyun*, art. Sa'id b. Hibat Allah.

<sup>22</sup>Abu al-Barakat al-Baghdadi, *al-Mu'tabar fi al-Hikmah*, j. 1, hlm. 3.

*apa (iaitu maklumat-maklumat) yang tidak [pernah] diperkatakan atau yang tidak [pernah] dinukilkan”.*<sup>23</sup>

Walau bagaimanapun Abu al-Barakat telah tersohor sebagai seorang pakar perubatan dan beliau dianggap sebagai profesor di kalangan doktor-doktor zamannya di mana “mereka sering bertanya kepadanya tentang masalah-masalah penyakit, lalu beliau menjawab dengan tulisannya dan mereka menyalin darinya, [demikianlah] sehingga ia membentuk suatu karya yang menjadi rujukan di antara mereka”.<sup>24</sup> Kemasyhuran Abu al-Barakat dalam bidang perubatan ini telah diakui oleh Ibn al-‘Ibri ketika berkata:

*“..... di antara pakar-pakar perubatan yang terkemuka di pertengahan kurun keenam ada tiga orang yang termasyhur dari tiga agama, ketiga-tiga mereka adalah Hibat Allah (Pemberian Allah), dari segi nama dan maknanya, dari agama Kristian, Yahudi dan Islam; Hibat Allah b. Sa’id b. al-Tilmidz, Hibat Allah b. Malka Abu al-Barakat Auhad al-Zaman dan Hibat Allah b. al-Husain al-Asfahani”.*<sup>25</sup>

Kesemua kenyataan ini adalah bukti-bukti kedudukan Abu al-Barakat dan reputasinya dalam bidang perubatan. Ini di samping bukti-bukti lain yang disebut dalam buku-buku biografi yang menceritakan tentang kepakaran beliau dalam mengenal pasti penyakit dan juga tentang keunikan perubatannya terhadap berbagai jenis penyakit seperti barah dan penyakit jiwa.<sup>26</sup>

Beliau pernah berkhidmat sebagai doktor peribadi kepada beberapa khalifah Abbasiyah dan sultan-sultan kerajaan Saljukid di zamannya. Diantara khalifah-khalifah tersebut ialah Khalifah al-Mustarshid BilLah (512-529H) dan Khalifah al-Mustanjid BilLah sebelum menjadi khalifah. Manakala sultan-sultan Saljukid pula ialah seperti Sultan Muhamad b. Malikshah (498-511H) dan anaknya Sultan

---

<sup>23</sup>*Ibid.*

<sup>24</sup>Al-Qifti, *Akhbar al-‘Ulama’ bi Akhbar al-Hukama’*, Kaherah, t.t, hlm. 226. Lihat juga Dr. ‘Abdul Mu’ti al-Bayyumi (1991), *al-Falsafat al-Islamiah min al-Masyriq ila al-Maghrib*, Kaherah, j. 3, hlm. 52.

<sup>25</sup>*Tarikh Mukhtasar al-Duwal*, Beirut 1890, hlm. 363-364.

<sup>26</sup>Lihat riwayat-riwayat tentang perkara tersebut misalnya Ibn Abi Asaibi’ah, *‘Uyun*, j.1, hlm. 297-298, al-Qifti, *Akhbar*, hlm 225-226, al-Safadi, *Nukat*, hlm. 304, Leclecr, *Histoire*, t. 2, p.31, Dr. M. Jalal Syaraf (1972), *al-Madzhab al-Isyraqi baina al-Falsafah wa al-Din fi al-Fikr al-Islami*, Kaherah, hlm.22 dan seterusnya dan Dr. al-Tayyib, *Mauqif*, hlm. 16.

Mahmud (511-525H) dan Sultan Mas'ud (528-547H).<sup>27</sup> Beliau mempunyai hubungan yang baik dengan Sultan Mahmud dan Sultan Mas'ud dan pernah juga berkhidmat dengan permaisuri Sultan Mahmud yang bernama Khatun.<sup>28</sup>

Kehidupan Abu al-Barakat ketika ini penuh dengan kenikmatan dan kesenangan yang dianugerahkan oleh para sultan dan pembesar negara. Beliau pernah misalnya dikurniakan oleh salah seorang sultan Saljukid hadiah yang banyak terdiri dari harta, kenderaan dan pakaian setelah berjaya mengubatnya.<sup>29</sup> Hubungan beliau ini walaupun banyak mendatangkan kenikmatan, namun tidak kurang juga pada beberapa ketika telah bertukar menjadi sebaliknya di mana beliau telah menghadapi berbagai kesulitan berpunca dari hubungannya dengan para pembesar ini.<sup>30</sup> Beliau pernah ditahan kerana dituduh gagal mengubati Sultan Muhamad b. Malikshah<sup>31</sup> dan rumahnya pernah digeledah oleh orang ramai semasa berlaku percangahan diantara Khalifah al-Mustarshid BilLah dengan Sultan Mahmud pada tahun 521H.<sup>32</sup>

Dari aspek kehidupan bermasyarakat pula boleh dikatakan tiada sumber-sumber yang menceritakan dengan terperinci tentangnya. Apa yang penulis dapati tentang perkara ini hanyalah apa yang diriwayatkan oleh Ibn Abi Usaibi'ah dari al-Sheikh Sa'd al-Din al-'Awad yang berkata: "Auhad al-Zaman ada mempunyai tiga anak perempuan dan beliau tidak mempunyai anak lelaki".<sup>33</sup> Anak-anaknya ini tidak memeluk Islam bersamanya dan tidak mewarisi hartanya.<sup>34</sup>

Kenyataan ini menunjukkan bahawa Abu al-Barakat telah memeluk Islam walaupun di akhir hayatnya. Beliau hidup bahagia, mengajar, mengubati pesakit dan sering dikunjungi orang ramai.<sup>35</sup> Beliau kekal sedemikian sehinggalah ditimpa

---

<sup>27</sup>Lihat artikel al-Nadwi dalam *Kitab al-Mu'tabar*, j. 3, hlm. 336, Dr. Huwaydi (1965), *Muhadharat fi al-Falsafah al-Islamiyah*, Kaherah, hlm. 197 dan Dr. A. Tayyib, *Mauqif*, hlm. 16.

<sup>28</sup>Lihat Dr. Suhir, *Falsafah Abi al-Barakat*, hlm. 18 dan Dr. A. Tayyib, *op.cit*, hlm. 4.

<sup>29</sup>Lihat al-Qifti, *Akhbar*, hlm.224 dan Ibn al-'Ibri, *Tarikh Mukhtasar*, hlm. 365.

<sup>30</sup>Lihat *E.I.*, (Terj. Arab), J. 1, art. *Abu al-Barakat*.

<sup>31</sup>Lihat al-Baihaqi, *Tatimmat*, hlm. 151, \_\_\_\_, *Tarikh*, hlm. 152 dan al-Zirikli (1989), *al-A'lam*, Beirut, j. 8, hlm 74.

<sup>32</sup>Lihat Ibn al-Athir (1979), *al-Kamil fi al-Tarikh*, Beirut, j. 10, hlm. 637.

<sup>33</sup>*Uyun*, j. 1, hlm. 299.

<sup>34</sup>Al-Qifti, *Akhbar*, hlm. 224-225 dan Ibn al-'Ibri, *Tarikh Mukhtasar*, hlm. 365.

<sup>35</sup>Lihat al-Qifti, *op.cit* dan Ibn al-'Ibri, *op.cit*.



penyakit kusta, buta dan pekak di akhir hayatnya.<sup>36</sup>

## KEPERIBADIAN ABU AL-BARAKAT DAN AKHLAKNYA

Abu al-Barakat seorang tokoh yang mempunyai keperibadian yang agak angkuh dan suka bermegah-megah dengan diri dan kepintarannya sehingga menampakkan seakan-akan takbur. Para sejarawan menyebut sikap dan keperibadiannya ini dengan meriwayatkan kata-kata al-Badi' Hibat Allah al-Istirlabi<sup>37</sup> yang memperkatakan tentang sikap takbur Abu al-Barakat dan sikap rendah diri Ibn al-Tilmidz.<sup>38</sup>

*"Abu al-Hasan, seorang doktor serta pengikut-pengikutnya,  
Abu al-Barakat dipihak yang bertentangan,  
Yang ini dengan sikap rendah diri dalam gagasan bintang (al-Thurayya),  
Yang itu dengan sikap takbur dalam [kalangan] yang rendah (al-Hadhidh)".*<sup>39</sup>

Sifat sebegini, walaupun merupakan aib peribadi seseorang tokoh dan tidak kena mengena dengan falsafah dan pemikirannya, namun dalam kajian ilmiah aspek ini perlu diambil perhatian dan dibincang dengan teliti sekurang-kurangnya untuk memahami rahsia dan tafsiran yang sebenar di sebalik fenomena tersebut. Ini di samping kepentingan lain seperti kesan dan pengaruhnya terhadap pendirian tokoh dan keputusan yang diambilnya.

Dalam masalah ini apa yang perlu ditekankan ialah keperibadian dan akhlak

---

<sup>36</sup>*Ibid.* Lihat juga Ibn Khallikan, *Wafayat*, j. 6, hlm. 74, al-Baihaqi, *Tarikh*, hlm. 152, \_\_\_\_, *Tatimmat*, hlm. 151 dan *D.B.*, j. 1, hlm. 705.

<sup>37</sup>Beliau ialah Badi' al-Zaman Abu al-Qasim Hibat Allah b. al-Hasan b. 'Ali al-Baghdadi. Beliau adalah diantara ahli falsafah yang bijak dan sasterawan yang disanjung. Beliau juga pakar dalam perubatan, seorang saintis, ahli falsafah dan *Mutakallim*. Beliau mempunyai hubungan persahabatan yang erat dengan Amin al-Daulah b. al-Tilmidz. Lihat Ibn Abi Usaibi'ah, '*Uyun*, art. *Al-Badi' al-Istirlabi*.

<sup>38</sup>Beliau ialah Abu al-Hasan Hibat Allah b. Sa'id b. al-Tilmidz, pakar perubatan di Baghdad yang terkenal dengan gelaran Amin al-Daulah. Beliau pakar tentang mazhab dan aliran dan juga semua cabang ilmu falsafah, seorang yang wara' dan agamawan. Dalam bidang perubatan beliau dianggap sebagai rujukan zamannya, beragama Kristian dan meninggal pada tahun 559H/1163M. Lihat al-Baihaqi, *Tarikh*, hlm. 144 -146, Ibn Khallikan, *Wafayat*, j.6, hlm. 69 dan seterusnya dan *D.B.*, J. 1, art. *Ibn al-Tilmidz al-Tabib*.

<sup>39</sup>Lihat al-Qifti, *Akhbar*, hlm.226, Ibn Khallikan, *Wafayat*, j. 6, hlm.75, Ibn al-'Ibri, *Tarikh Mukhtasar*, hlm. 366 dan *D.B.*, j. 1, hlm. 415.

seseorang manusia dicapai dengan usaha dan pilihannya sendiri. Ia biasanya dipengaruhi oleh pelbagai faktor-faktor antaranya faktor peribadi dan masyarakat.

Abu al-Barakat dalam hal ini mempunyai karektor-karektor peribadi tertentu yang menggambarkan kenapa beliau bersikap sedemikian. Beliau misalnya mempunyai pemikiran yang jitu dan kepintaran yang tajam. Persediaan peribadi semulajadi ini memungkinkan beliau mencapai kejayaannya ini samada dari aspek ilmu pengetahuan mahupun ketokohan dan kemasyhuran. Ini di samping faktor masyarakat di mana beliau hidup di dalam sebuah masyarakat yang walaupun sebuah masyarakat Islam yang menekankan aspek toleransi, namun ia tidak bebas dari golongan-golongan yang tidak menghayati ajaran Islam yang sebenar dan tidak pandai bergaul dengan anggota masyarakatnya yang menganut agama lain. Tambahan pula zaman Abu al-Barakat adalah zaman yang boleh disebut sebagai era perdebatan dan taksub mazhab. Kesemua faktor-faktor ini telah mendorong keperibadian seperti Abu al-Barakat untuk berdiri dan yakin dengan diri sendiri dalam apa jua pandangan dan tindakan yang diambil tanpa mengira sumber dan pandangan umum masyarakat. Dari sini jelaslah bahawa apa yang zahir dari sikap dan keperibadian Abu al-Barakat tidak lebih dari hanya tindakbalas tabi'i terhadap pengalaman hidup yang dilaluinya.<sup>40</sup>

Walau bagaimanapun ini hanyalah suatu percubaan untuk mencungkil rahsia di sebalik sikap dan keperibadian Abu al-Barakat, juga untuk melihat apakah kedudukan sebenar tohmahan yang dilemparkan kepadanya itu. Ini dengan andaian tohmahan-tohmahan tersebut adalah benar walaupun ada di kalangan pengkaji seperti Dr. Bayyumi yang kurang yakin tentang kebenarannya dan menganggap ini adalah tohmahan semata-mata yang tidak bersandarkan realiti.<sup>41</sup> Dari aspek lain pula, penulis dapati hanya al-Badi' al-Istirlabi yang mentohmah Abu al-Barakat dan tohmahan ini disebut semasa beliau membandingkan diantara Abu al-Barakat dan sahabatnya Ibn al-Tilmidz.<sup>42</sup> Dari sini tidak mustahil sekiranya wujud konspirasi di antara mereka, khususnya setelah didapati bahawa di antara Abu al-Barakat dan Ibn Tilmidz sering berlaku perselisihan.<sup>43</sup>

---

<sup>40</sup>Lihat Dr. A. Tayyib, *Mauqif*, hlm. 18 dan Dr. Bayyumi, *al-Falsafah al-Islamiyah*, j. 3, hlm. 59 dan seterusnya.

<sup>41</sup> *Ibid.*

<sup>42</sup>Hubungan persahabatan diantara al-Istirlabi dan Ibn Tilmidz ini disebut oleh Ibn Abi Usaibi'ah dalam kitab '*Uyun*, art. *al-Badi' al-Istirlabi*.

<sup>43</sup>Lihat tentang hubungan Abu al-Barakat dan Ibn Tilmidz dalam Ibn Abi Usaibi'ah, '*Uyun*, j. 1, hlm. 299, al-Safadi, *Nukat*, hlm. 304, Ibn Khallikan, *Wafayat*, j. 6, hlm. 415 dan 705.

## ISLAM ABU AL-BARAKAT DAN SEBABNYA

Para sejarawan dan pengkaji bersepakat bahawa Abu al-Barakat memeluk Islam di akhir hayatnya dan tiada satupun pandangan - setakat pengetahuan penulis - yang mewartakan khabar sebaliknya. Apa yang kedengaran hanya mempersoalkan tentang hakikat Islam Abu al-Barakat dan mendakwa bahawa beliau hanyalah menzahirkan diri sebagai seorang Islam bertujuan untuk mengelak dari kehinaan atau ketakutan. Pandangan ini mendakwa bahawa Abu al-Barakat telah “dikurniakan kepintaran dan kepetahan bercakap beserta tipu daya yang tinggi dan fitnah yang mengelirukan, menyebarkan di dalam kata-katanya dengan kedua [kurniaan itu] (iaitu kepintaran dan kepetahan) apa yang diwarisi dari pegangan tasybih dari agama asalnya,<sup>44</sup> lalu mempengaruhi mereka yang tidak dikurniakan kefahaman yang jelas”.<sup>45</sup>

Kata-kata ini menjelaskan bahawa kecenderungan Abu al-Barakat kepada apa yang mirip ke arah *al-Tasybih* dan *al-Tajsim* di beberapa tempat dalam bukunya *al-Mu'tabar fi al-Hikmah* adalah sebab lahirnya keraguan terhadap kebenaran keislamannya ini. Hukuman ini pada pandangan penulis adalah agak zalim dan keterlaluan khususnya bila kita dapati bahawa pemikiran sebegini atau yang seakan dengannya ada dalam pemikiran ramai pemikir-pemikir Islam yang ulung tetapi tidak pula ditohmah atau diragui hakikat keislaman mereka. Dari aspek lain pula, jika dinilai teks *al-Mu'tabar*, yang merupakan karya falsafah di mana pengarangnya tidak memperkatakan sesuatu pemikiran melainkan setelah dikaji segala hujah dan dalil serta berpuas hati dengannya, dapatlah difahami bahawa segala pemikiran yang dimuatkan di dalamnya adalah pegangan pemikiran pengarang dan ini sememangnya tidak penting bagi beliau samada ianya sependapat atau bercanggah dengan mana-mana pegangan agama ataupun falsafah terdahulu. Tambahan pula, kitab ini berkemungkinan dikarang oleh Abu al-Barakat semasa beliau belum memeluk agama Islam. Kebarangkalian ini sebenarnya ada kerana sehingga kini tiada kata sepakat di kalangan para pengkaji yang memutuskan tentang perkara ini bahkan ianya dianggap oleh sesetengah pengkaji sebagai kemungkinan yang kuat.<sup>46</sup>

---

<sup>44</sup>Apa yang dimaksudkan di sini ialah pegangan yang menyamakan Tuhan dengan makhluk yang jelas dapat dilihat di dalam ajaran agama Yahudi, agama asal Abu al-Barakat.

<sup>45</sup>Al-Kauthari, *Min 'Ibar al-Tarikh*, hlm. 17. Lihat juga pendahulunya ke atas komentar al-Hakim al-Tabrizi kepada muqaddimah kedua puluh lima dari *Kitab Dala'il al-Ha'irin* karangan Ibn Maimun (Maimonide), Kaherah, 1369 H, hlm. 10-11, dinukil dari Dr. A. Tayyib, *Mauqif*, hlm. 20 (Nota kaki)

<sup>46</sup>Lihat *Ibid*, hlm. 20-21 (Nota kaki).

Manakala umur Abu al-Barakat ketika beliau memeluk Islam, tiada sumber yang memperkatakan tentangnya. Apa yang disebut tentang perkara ini hanyalah kesimpulan atau agakan para pengkaji berpandukan fakta-fakta yang ada. Al-Qifti ada meriwayatkan dari Ibn al-Zaghuniy yang menyebut bahawa Abu al-Barakat memeluk Islam selepas kemangkatan permaisuri sultan Mahmud, al-Khatun<sup>47</sup> dan al-Khatun ini mengikut Ibn al-Athir, mangkat pada tahun 524H/1129M.<sup>48</sup> Berdasarkan maklumat ini al-Nadwi berpendapat Abu al-Barakat memeluk Islam pada tahun ini atau pada tahun selepasnya.<sup>49</sup> Mungkin juga fakta inilah yang diterima oleh *Encyclopaedia Judaica* bila menyatakan bahawa Abu al-Barakat memeluk Islam ketika beliau berusia 60 tahun.<sup>50</sup>

Kesimpulannya di sini, semua pengkaji berpendapat bahawa Abu al-Barakat telah memeluk Islam di akhir hayatnya dan ini berlaku pada dekad keenam dari umurnya, iaitu pada suku terakhir dari hayatnya.<sup>51</sup>

## SEBAB DAN DORONGAN BELIAU MEMELUK ISLAM

Para sejarawan berselisih pendapat tentang sebab dan dorongan sebenar Abu al-Barakat memeluk Islam. Ini pada dasarnya kerana wujudnya berbagai riwayat tentang perkara ini. Riwayat-riwayat ini mentafsirkan fenomena pemeluk Islam Abu al-Barakat dengan berbagai tafsiran dan mengaitkannya dengan berbagai dorongan dan sebab. Dorongan dan sebab ini boleh dikategorikan dalam dua kategori berikut:

Pertama: Keinginan untuk memiliki kemuliaan dan kedudukan yang sepatutnya. Cita-cita ini, di samping keinginan untuk membebaskan diri dari dihina dan diperkecilkan telah mendorongnya untuk meninggalkan agama Yahudi dan memeluk Islam.

Kedua: Menjaga keselamatan diri dan nyawanya. Ketakutan dari dibunuh telah mendorong beliau mengumumkan Islamnya.<sup>52</sup>

---

<sup>47</sup>*Akhbar*, hlm. 226-227.

<sup>48</sup>Lihat peristiwa tahun 524 H dalam *Al-Kamil*.

<sup>49</sup>Lihat artikelnya dalam *Kitab al-Mu'tabar*, j. 3, hlm. 238.

<sup>50</sup>*E.J.*, vol. 8, art. *Hibat Allah*.

<sup>51</sup>Dr. al-Tayyib menyebut Abu al-Barakat ketika memeluk Islam berumur lebih kurang 64 tahun. Lihat *Mauqif*, hlm. 20 (Nota kaki).

<sup>52</sup>Lihat *E.I* (Terj. Arab) j. 1, art. *Abu al-Barakat*, Dr. al-Tayyib, *Mauqif*, hlm. 21 dan Dr. Bayyumi, *al-Falsafah al-Islamiyah*, j. 3, hlm. 55.

Riwayat-riwayat yang mentafsirkan tafsiran pertama ialah:

Pertama : Apa yang disebut oleh Ibn Abi Usaibi'ah:

*“Dikatakan bahawa sebab Islamnya (Abu al-Barakat) ialah pada suatu hari beliau masuk mengadap khalifah, lalu semua yang hadir bangun [menghormatinya] kecuali Ketua Qadhi (Qadhi Qudat), yang tidak bangun [menghormatinya] kerana beliau (Abu al-Barakat) bukan beragama Islam. Lalu [Abu al-Barakat] berkata: Wahai Amir al-Mukminin, sekiranya Qadhi tidak bersetuju dengan jemaah [hadirin] yang lain kerana beliau melihat hamba sebagai penganut agama lain, maka hamba memeluk Islam di hadapan tuanku dan hamba tidak [rela] membiarkannya merendah-rendahkan hamba dengan sebab ini, lalu beliauapun memeluk Islam”.*<sup>53</sup>

Kedua : Riwayat al-Qifti yang menceritakan bahawa Abu al-Barakat ketika pulang dari merawati seorang sultan Saljukid mendengar Ibn Aflah mengejeknya dengan berkata:

*“Ada seorang tabib Yahudi [jelas] dungunya,  
Bila berkata-kata jelas padanya siapa dia,  
Sesat dan anjing lebih tinggi darinya [dari segi] kedudukan,  
Seolah-olah dia terlalu jauh dan tidak [akan] keluar dari kesesatan.”*

Apabila mendengar kata-kata tersebut, beliau tahu bahawa dia tidak akan dimuliakan dengan segala nikmat yang dianugerahkan kepadanya melainkan dengan Islam, lalu bertambah kuat keazamannya untuk itu (Islam). Beliau ada mempunyai tiga orang anak perempuan yang telah dewasa dan mereka tidak memeluk Islam bersamanya, oleh yang demikian sekiranya beliau meninggal mereka tidak akan dapat mewarisi hartanya. Lalu beliau mengamanatkan khalifah ketika itu untuk menyara mereka dengan peninggalannya sekiranya mereka tetap dalam agama mereka. Beliau kemudiannya menzahirkan Islamnya.<sup>54</sup>

Kedua-dua riwayat ini jelas menggambarkan bagaimana Abu al-Barakat meninggalkan agama asalnya dan memeluk Islam dengan sebab yang secara relatifnya agak remeh. Ini adalah kerana sebab atau pendorong yang dikatakan telah mempengaruhinya untuk mengambil keputusan yang besar ini sebenarnya tidak lebih dari fenomena biasa yang sering menimpa atau dihadapi oleh mana-mana manusia

<sup>53</sup>Uyun, j. 1, hlm.299, al-Shahrazuri, *Nuzhat*, hlm. 84 dan al-Safadi, *Nukat*, hlm. 304.

<sup>54</sup>Lihat *Akhbar*, hlm. 224-225 dan Ibn al-'Ibri, *Tarikh Mukhtasar*, hlm. 365.

dalam hidupnya. Ia hanya boleh dianggap, sebagaimana kata Pines, sebagai kerenah-kerenah di gelanggang atau gossip rakan sejawatan (*Pieces of court or colleagues gossip*).<sup>55</sup> Sikap tidak menghormati orang lain yang ditunjukkan oleh Qadhi Qudha' dan ejekan Ibn Aflah kepadanya ini mungkin disebabkan samada hubungan peribadi yang tidak baik diantara mereka ataupun kerana sikap peribadi individu-individu tersebut.

Apa yang penting di sini ialah sejarah banyak menceritakan tentang keadaan sebegini yang berlaku di kalangan tokoh-tokoh besar khususnya mereka yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam masyarakat. Jadi berdasarkan kenyataan ini penulis agak ragu-ragu untuk menerima tafsiran ini sebagai sebab dan pendorong utama Abu al-Barakat menukar agamanya. Ini adalah kerana tidak mungkin seorang tokoh seperti Abu al-Barakat terkesan dengan peristiwa sebegini dan meninggalkan agama asalnya. Andaian yang mungkin diterima di sini ialah semua ini mungkin merupakan sebab tidak langsung Abu al-Barakat memeluk Islam dan beliau sememangnya telah lama merasa tersisih dari masyarakatnya disebabkan beliau beragama Yahudi.

Dr. Ahmad al-Tayyib dalam hal ini menyebut bahawa Abu al-Barakat sebagai seorang *mufakir* Yahudi sering terdedah kepada banyak kejian dan kutukan bahkan celaan yang jelas yang diajukan kepadanya secara terang-terangan tanpa kiasan atau sindiran.<sup>56</sup> Beliau hidup dalam keadaan terasing, sering berhadapan atau menghadapi perkara-perkara sebegini di mana sahaja beliau pergi dan beliau tahu di lubuk hatinya bahawa dengan sebab Yahudinya itu beliau disisih dari masyarakatnya". Beliau kemudian mengulas, katanya:

*"Namun kita tahu Abu al-Barakat [sebelum ini] mengharungi sebahagian besar hidupnya, tetap dengan akidahnya dan tidak berganjak. Jadi sekiranya keperibadian Abu al-Barakat adalah seorang yang terkesan dengan keadaan-keadaan yang berlaku, kenapa beliau tidak memeluk Islam ketika beliau mengharungi kesulitan tekanan kejiwaan dan kemasyarakatan ini?"*<sup>57</sup>

Perkara lain yang menunjukkan lemahnya sebab dan dorongan ini dalam mentafsir fenomena ini ialah terdapat satu riwayat lain yang menceritakan suatu

<sup>55</sup>*Studies in Abu'l-Barakat's Poetics and Metaphysics*, (The Collected Works) V. 1, p. 260 (Footnote).

<sup>56</sup>Mungkin apa yang dimaksudkan di sini ialah kata-kata Ibn Aflah dan al-Badi' al-Istirlabi yang telah menghinanya secara terang-terangan.

<sup>57</sup>*Mauqif*, hlm. 21-22.

keadaan yang lebih layak dan patut untuk dijadikan sebab Abu al-Barakat menukar agamanya. Keadaan ini ialah ketika beliau ditegah dari menghadiri majlis Sheikh Abu al-Hasan Sa'id b. Hibat Allah yang memang tidak menerima murid yang beragama Yahudi.<sup>58</sup> Abu al-Barakat ketika itu sangat bercita-cita untuk belajar dengan sheikh tersebut hingga sanggup berusaha dengan berbagai cara demi mencapai cita-citanya itu. Cita-cita inilah yang mendorong beliau untuk mengharungi tempoh setahun lamanya dilobi sheikhnya untuk mendengar segala pelajaran yang diajar. Kalaulah beliau memeluk Islam kerana cita-cita ini, ia mungkin dapat difahami dan diterima. Namun begitu beliau tetap dengan akidahnya kerana beliau adalah seorang yang tetap dengan pendirian dan tidak mungkin terpengaruh dengan kesulitan hidup yang dihadapinya. Jadi, sekiranya tegahan dari menghadiri majlis sheikhnya itu tidak sedikitpun mendorongnya untuk memeluk Islam, bagaimana dapat digambarkan bahawa ejekan Ibn Aflah dan tidak hormat Qadi Qudha' kepadanya sebagai penyebab?<sup>59</sup>

Manakala riwayat-riwayat yang mentafsirkan tafsiran kedua iaitu tafsiran yang mengatakan bahawa dorongan beliau memeluk Islam ialah kerana bimbangkan keselamatannya adalah:

Pertama: Apa yang diriwayat oleh al-Baihaqi, katanya :

*"Ketika Abu al-Barakat terlibat di dalam pertelingkahan di antara Khalifah al-Mustarshid bilLah dan sultan Mahmud dan hampir tiba masa [hukumannya], di saat itu beliau memeluk Islam ..... lalu beliau terlepas dari dibunuh dan sultan membebaskannya dan baik Islamnya".<sup>60</sup>*

Riwayat ini menceritakan bagaimana Abu al-Barakat memeluk Islam kerana bimbangkan keselamatannya yang tergunat selepas kekalahan tentera Khalifah al-Mustarshid BilLah di tangan Sultan Mahmud Saljukid.<sup>61</sup>

Kedua : Riwayat al-Qifti yang menceritakan pada suatu hari Abu al-Barakat menemani Sultan Mahmud di sebuah kawasan berbukit. Turut hadir ketika itu ialah permaisuri sultan yang sangat disanjunginya bernama Khatun. Semasa berada di sana permaisuri itu jatuh sakit dan meninggal. Sultan sangat terkejut dan sedih. Menyedari keadaan ini Abu al-Barakat merasa bimbang terhadap keselamatannya kerana beliau

<sup>58</sup>Lihat Ibn Abi Usaibi'ah, *'Uyun*, j. 1, hlm 296.

<sup>59</sup>Lihat Dr. al-Tayyib, *Mauqif*, hlm.21 dan Dr. Bayyumi, *al-Falsafah al-Islamiyah*, j. 3, hlm. 57.

<sup>60</sup>*Tarikh*, hlm. 153 dan *Tatimmah*, hlm. 152. Lihat juga al-Shahrazuri, *Nuzhat*, hlm. 84.

<sup>61</sup>Lihat *E.I.*, (Terj. Arab) j.1, art. *Abu al-Barakat*.

yang merawat permaisuri tersebut. Beliau lalu memeluk Islam demi keselamatannya.<sup>62</sup>

Demikian kedua-dua riwayat ini menceritakan bagaimana Abu al-Barakat memeluk Islam dan menegaskan bahawa ketakutan dari dibunuh dan bimbang keselamatan diri adalah faktor dan matlamat beliau memeluk Islam. Fenomena sebegini umumnya adalah suatu perkara biasa dan boleh diterima sekiranya ia berlaku pada orang biasa yang tidak berpendirian atau berprinsip. Namun ia agak susah berlaku, walaupun tidak mustahil, pada individu seperti Abu al-Barakat yang terkenal dengan sikapnya yang kuat berpegang pada prinsip diri. Tambahan pula menukar agama dan meninggalkan agama asal adalah suatu keputusan yang berat untuk diambil oleh mana-mana manusia, apatah lagi golongan ulama dan intelek.

Abu al-Barakat sebagaimana yang dijelaskan, mempunyai keperibadian yang kuat. Ini jelas dapat diperhatikan dari pemikiran dan tingkah lakunya. Tokoh yang berkeperibadian sebegini tidak mudah biasanya, terkesan dengan ketakutan yang lahir dari kegagalan merawat atau dari perkara lain dalam membuat apa-apa keputusan berkaitan pandangan ataupun pegangan. Ketokohan beliau ini sepatutnya, sebagaimana kata Dr. Bayyumi : “..... berguna kepada dirinya dalam menenangkan dan menguatkan semangatnya ketika gagal merawat, khususnya bila dilihat bahawa kegagalannya dalam merawat Sultan Mas’ud ataupun Khatun tidak dapat dielakkan dengan beliau beragama Yahudi ataupun Islam”.<sup>63</sup> Tambahan pula tafsiran ini tidak bertepatan dengan realiti masyarakat Islam yang terkenal dengan sikap toleransi dan menghormati golongan *ahlu al-dzimmah* dari kalangan Yahudi dan Kristian.<sup>64</sup>

Di sini ternyata susah untuk memastikan apakah faktor sebenar yang mendorong Abu al-Barakat memeluk Islam. Riwayat-riwayat yang ada tidak seiring dengan logik akal. Dalam masalah sebegini sumber yang penting dan utama adalah riwayat-riwayat yang benar yang mempunyai ciri-ciri tertentu seperti ciri-ciri yang berkaitan dengan realiti masyarakat dan tidak bercanggah dengan mana-mana riwayat lain.

Berdasarkan kaedah ini kita dapati riwayat-riwayat yang menceritakan tentang sebab dan dorongan Abu al-Barakat memeluk Islam tidak begitu menepati syarat-syarat tersebut bahkan kadang-kadang tidak diterima akal. Barangkali inilah yang menyebabkan sesetengah pengkaji mengesyaki kesahihan riwayat ini dan tidak

---

<sup>62</sup>Lihat *Akhbar*, hlm. 226-227.

<sup>63</sup>*Al-Falsafah al-Islamiah*, j. 3, hlm 57.

<sup>64</sup>Lihat Dr. al-Tayyib, *Mauqif*, hlm. 25.



mengiktirafnya sebagai sumber utama dalam mentafsir fenomena ini. Mereka lebih cenderung kepada tafsiran lain yang lebih logik, jelas dan bertepatan dengan realiti tokoh - samada dari segi metod, pemikiran dan juga tulisannya - dan zamannya. Tafsiran ini menyebut bahawa Abu al-Barakat memeluk Islam kerana beliau yakin dengan kebenarannya. Keyakinan ini timbul dari kecenderungan peribadinya yang dianggap sebagai asas yang kuat dan berkesan dalam membentuk keperibadian dan keyakinan diri dalam hidup dan pemikirannya.<sup>65</sup>

Abu al-Barakat sebagaimana yang disebut oleh kebanyakan pengkaji, memeluk Islam di akhir hayatnya.<sup>66</sup> Beliau ketika itu telah mencapai tahap kematangan yang menyeluruh dalam segala aspek; akal, jiwa dan ilmu pengetahuan, ekoran dari umur dan pengalaman hidupnya yang panjang. Fakta-fakta ini memberikan gambaran yang jelas tentang sejauh mana tokoh ini bebas dan matang dalam membuat sebarang keputusan dan juga sejauh mana beliau dapat menghindarkan diri dari unsur-unsur taksud dan pengaruh yang mendatang.<sup>67</sup> Tafsiran ini boleh dikatakan tafsiran yang diterima kebanyakan pengkaji dan yang paling hampir dengan realiti tokoh itu sendiri.

## TOKOH-TOKOH SEZAMAN DAN MURIDNYA

Abu al-Barakat hidup di zaman yang penuh dengan pergolakan pemikiran dan taksud mazhab. Ini adalah kerana zaman ini, iaitu antara penghujung kurun kelima dan awal kurun keenam Hijrah, dianggap sebagai era kebangkitan dan kemunculan pelbagai aliran-aliran pemikiran samada dalam bidang Ilmu Kalam, di mana tersebarnya mazhab al-Asy'ariyah dan al-Hanabilah dari kalangan Ahl al-Sunnah dan mazhab al-Isma'iliyah dari golongan Syiah, ataupun dalam bidang Falsafah dan Tasawuf. Zaman ini juga dianggap sebagai era pertumbuhan institusi pengajian dalam Islam di mana banyak institusi-institusi yang mendokong pelbagai aliran dan mazhab ditubuhkan.<sup>68</sup>

<sup>65</sup>Lihat *Ibid*, hlm. 23-25, Dr. Sabri Othman, *al-Falsafah al-Tabi'iyah wa al-Ilahiyah 'inda Abi al-Barakat al-Baghdadi*, Tesis Ph.D di Jabatan Falsafah, Fak. Sastera, Univ. Kaherah, 1982, hlm. 21, Dr. Bayyumi, *al-Falsafah al-Islamiyah*, j.3, hlm. 58-59 dan Dr. Abu Sa'dah, *al-Wujud*, hlm. 39.

<sup>66</sup>Lihat al-Nadwi, artikelnya dalam *al-Mu'tabar*, j. 3, hlm. 238, *E.J.*, v. 8, art. *Hibat Allah* dan Dr. al-Tayyib, *Mauqif*, hlm. 20 (Nota kaki).

<sup>67</sup>Lihat Dr. Bayyumi, *al-Falsafah al-Islamiyah*, j. 3, hlm. 58.

<sup>68</sup>Lihat tentang zaman Abu al-Barakat misalnya disertasi sarjana penulis, *al-Ilahiyat min al-Mu'tabar li Abi al-Barakat al-Baghdadi, Tahqiq wa Dirasah*, Fak. Dar al-Ulum, Univ. Kaherah 1998, hlm. 25 dan seterusnya.

Pada zaman ini muncul ramai tokoh-tokoh terkemuka dari kalangan ulamak dan mufakir yang mendokong aliran dan mazhab yang berbagai, antaranya ialah Omar Khayyam (m. 517H/1123M), Abu Hamid al-Ghazali (m. 505H/1111M), Abu Qasim al-Zamakhshari (m. 538H/1143M), Abu al-'Abbas al-Laukari (m. 539H/1144M), Abu al-Fath al-Shahrastani (m. 548H/1153M), Abu al-Wafa Ibn 'Aqil<sup>69</sup> (m. 513H/1119M). Abu al-Barakat, pada tanggapan penulis mungkin mengikuti perkembangan-perkembangan pemikiran dan ilmu pengetahuan tokoh-tokoh sezamannya walaupun tiada sumber atau bukti yang jelas yang menceritakan tentang hubungannya dengan mana-mana tokoh-tokoh tersebut secara langsung atau secara peribadi.

Dalam bidang perubatan pula, antara tokoh-tokoh sezamannya ialah Hibat Allah b. al-Hasan al-Asfahani<sup>70</sup> dan Hibat Allah b. Sa'id b. al-Tilmidz.<sup>71</sup> Ibn Tilmidz ini mempunyai hubungan yang buruk dengan Abu al-Barakat. Ibn Abi Usaibi'ah menyebut:

*"Abu al-Barakat bila memeluk Islam, menjauhkan diri dari bangsa Yahudi, mengutuk dan mencela mereka. Pada suatu hari dalam satu majlis yang dihadiri oleh sekumpulan tokoh-tokoh besar, antaranya ialah Amin al-Daulah Ibn Tilmidz, timbul perbincangan tentang bangsa Yahudi, lalu Auhad al-Zaman berkata: Allah melaknat bangsa Yahudi. Amin al-Daulah mencelah: Ya dan juga anak-anak keturunan Yahudi. Auhad al-Zaman kemudiannya terus terdiam dan mengetahui bahawa beliaulah yang dimaksudkan oleh Ibn Tilmidz dalam sindirannya itu".*<sup>72</sup>

Manakala murid-murid beliau pula, Ibn Abi Usaibi'ah ada menyebut bahawa Abu al-Barakat telah mengimlakkan *Kitab al-Mu'tabar* kepada sekumpulan anak muridnya.<sup>73</sup> Mereka ialah :

1. Jamal al-Din b. Fadhl. Beliau ialah Yahya b. 'Ali b. al-Fadhl

---

<sup>69</sup>Beliau adalah tokoh agung mazhab al-Hanabilah di zamannya di Baghdad. Di antara bukunya yang termasyhur ialah *Kitab al-Funun*. Lihat Ibn al-Athir, *al-Kamil*, peristiwa tahun 513.

<sup>70</sup>Beliau adalah diantara tokoh perubatan terkemuka di zamannya dan ketokohnya dikatakan mengatasi tokoh-tokoh perubatan lain seperti Ibn Butlan dan sebagainya, meninggal pada tahun 530-an. Lihat *Ibid*, hlm. 366.

<sup>71</sup>Lihat Ibn al-'Ibri, *Tarikh Mukhtasar*, hlm. 363-364.

<sup>72</sup>*Uyun*, j. 1, hlm. 299. Lihat juga al-Safadi, *Nukat*, hlm. 304, Ibn Khallikan, *Wafayat*, j. 6, hlm. 74 dan *D.B.*, j. 1, hlm. 415 dan 705.

<sup>73</sup>*Uyun*, j. 1, hlm. 298-299.

- b. Hibat Allah, seorang tokoh dalam bidang fiqh dan ilmu perdebatan, meninggal pada tahun 595H/1198M di Baghdad.<sup>74</sup>
2. Ibn al-Dahan al-Nahwi. Beliau ialah Sa'id b. Mubarak b. 'Ali b. 'Abdullah Abu Muhammad al-Nahwi yang dikenali dengan gelaran Ibn al-Dahan, pakar dalam bidang nahu Bahasa Arab dan Kesusasteraannya, meninggal pada tahun 569H/1173M.<sup>75</sup>
  3. Yusof b. Muhammad b. 'Ali b. Abi Sa'id, bapa al-Sheikh Maufiq al-Din 'Abd al-Latif al-Baghdadi, pakar dalam bidang Ilmu Hadith, Ulum al-Quran, Qiraat, mazhab dan aliran serta Usul Fiqh.<sup>76</sup>
  4. Al-Muhadzab b. al-Niqash. Beliau ialah Abu al-Hasan 'Ali b. Abi 'Abdullah 'Isa, pakar dalam Bahasa Arab dan Kesusasteraannya dan juga dalam bidang kedoktoran dan Ilmu Hadith, meninggal pada tahun 574H/1178M.<sup>77</sup>

Ini disamping murid lain yang disebut oleh al-Safadi iaitu al-Muhadzab b. al-Habal atau nama sebenarnya Abu al-Hasan 'Ali b. Ahmad b. 'Ali b. Habal al-Baghdadi yang juga dikenali dengan gelaran al-Khallati, lahir di Baghdad pada tahun 515 H/1121M.<sup>78</sup>

## KEMATIANNYA

Para sejarawan berselisih pendapat tentang tarikh meninggal Abu al-Barakat sebagaimana mereka berselisih pendapat sebelum ini tentang tarikh lahir dan umurnya. Pandangan-pandangan tentang perkara ini boleh dikategorikan kepada dua kategori: Pertama ialah pandangan yang mengatakan bahawa ia adalah pada tahun

---

<sup>74</sup>Lihat maklumat tentangnya dalam al-Subki (1970), *Tabaqat al-Kubra*, ed. Dr. Mahmud al-Tanahi dan lainnya, Kaherah, j. 7, hlm. 322-323, Ibn Qadhi Shuhbah (1979), *Tabaqat al-Syafi'iyah*, Hyderabad, j. 2, hlm. 62 dan al-Zirikli, *al-A'lam*, j. 8, hlm. 159.

<sup>75</sup>Lihat tentangnya dalam al-Safadi, *Nukat*, hlm. 158-159 dan Ibn Khallikan, *Wafayat*, j. 2, hlm. 382-383.

<sup>76</sup>Lihat Ibn Abi Usaibi'ah, *'Uyun*, art. *Maufiq al-Din 'Abd al-Latif al-Baghdadi*.

<sup>77</sup>*Ibid*, art. *Mahadzib al-Din b. al-Niqash*.

<sup>78</sup>Lihat Ibn Abi Usaibi'ah, *'Uyun*, art. *Muhadzib al-Din b. Habal*. Sila rujuk tentang majlis-majlis ilmu Abu al-Barakat dan murid-muridnya Dr. al-Tayyib, *Mauqif*, hlm. 27-29.

560H/1164M<sup>79</sup> dan pandangan kedua iaitu pandangan kebanyakan sejarawan dan pengkaji, menegaskan bahawa ia adalah pada tahun 547H/1152M<sup>80</sup> dan penulis lebih cenderung kepada pandangan ini.

Manakala kisah kematian beliau, al-Baihaqi dan al-Shahrazuri ada meriwayatkan cerita yang agak lengkap tentang perkara ini. Mereka menyebut :

*“Pada suatu bulan di tahun 547H sultan Mas’ud b. Muhamad b. Malikshah telah ditimpa penyakit Qulanj (Suatu penyakit yang disebabkan oleh colitis) selepas baginda diserang oleh seekor singa, lalu Abu al-Barakat dijemput dari Baghdad ke Hamdzan [untuk mengubatinya]. Bila tiada lagi harapan [untuk menyelamatkan] nyawa sultan, Abu al-Barakat mula bimbang terhadap keselamatannya lalu meninggal dengan tiba-tiba dan sultan pula meninggal kemudiannya. Mayat Abu al-Barakat telah dibawa ke Baghdad”.*<sup>81</sup>

Beliau ketika merasakan ajalnya dah hampir tiba telah mewasiatkan, mengikut riwayat al-Qifti, kepada orang yang menguruskan jenazahnya agar menulis dikuburnya kata-kata berbunyi : *Inilah kubur Auhad al-Zaman Abi al-Barakat yang memberi banyak petunjuk dan pengarang Kitab al-Mu’tabar* dan orang yang pernah melihat kuburnya menyebut bahawa wasiat ini telah dilaksanakan.<sup>82</sup>

---

<sup>79</sup>Antara sejarawan dan pengkaji yang menyebut pandangan ini ialah al-Safadi, *Nukat*, hlm.304 dan al-Zirikli, *al-A’lam*, j.8, hlm. 74. Manakala H. Corbin pula menyebut bahawa Abu al-Barakat meninggal “beberapa tempoh” selepas tahun 560H, lihat *Tarikh al-Falsafah al-Islamiyah*, hlm. 268

<sup>80</sup>Antara sejarawan dan pengkaji yang berpendapat sedemikian ialah al-Baihaqi, *Tarikh*, hlm.152 dan *Tatimmah*, hlm. 151, Haji Khalifah (1941), *Kasyf al-Zunun*, Istanbul, j.2, hlm. 1731, Dr. Abu Rayyan (1986), *Tarikh al-Fikr al-Falsafi fi al-Islam*, Alexandria, hlm. 511 dan Dr. Bayyumi, *al-Falsafah al-Islamiyah*, j.3, hlm. 62. S. Pines pula menyebut pandangan pertama dalam *E.I* dan pandangan kedua dalam bukunya *Madzhab al-Dzarrat ‘inda al-Muslimin*, terj. Arab oleh Dr. Abu Raydah, Kaherah 1946, hlm. 169. Begitu juga Kahalah yang menyebut tahun 547H dan di tempat lain menyebut “550-an”, lihat *Mu’jam*, j. 3, hlm. 44 dan j. 13, hlm. 143. Al-Baghdadi pula menyebut pandangan tunggal dalam hal ini iaitu pada tahun 570H, lihat *Hadiyat al-‘Arifin*, Istanbul 1955, j. 2, hlm. 505, manakala Dr. Suhair menegaskan bahawa Abu al-Barakat meninggal pada tahun 550H, lihat *Falsafah Abu al-Barakat*, hlm. 6. Lihat perbincangan tentang perkara ini Dr. al-Tayyib, *Mauqif*, hlm. 25.

<sup>81</sup>Lihat al-Baihaqi, *Tarikh*, hlm. 152-153 dan *Tatimmah*. hlm. 151-152 dan al-Shahrazuri, *Nuzhat*, hlm. 83-84.

<sup>82</sup>Lihat *Tarikh*, hl. 226. Juga Ibn al-‘Ibri, *Tarikh Mukhtasar*, hlm. 365 dan L.Leclerc, *Histoire*, t. 2, p. 30.

Walaupun agak sulit untuk dipastikan sebab sebenar kematian Abu al-Barakat, namun kebanyakan sejarawan dan pengkaji bersependapat, berdasarkan riwayat yang ada, bahawa Abu al-Barakat meninggal pada tahun tersebut iaitu tahun 547H, samada di Hamdzan dan kemudian jenazahnya dibawa ke Baghdad<sup>83</sup> atau meninggal di Baghdad mengikut sesetengah pendapat.<sup>84</sup>

## KARYA-KARYA ABU AL-BARAKAT

Abu al-Barakat telah meninggalkan sejumlah karya dalam bidang-bidang falsafah dan perubatan. Dari segi kualiti, karya-karya ini disifatkan oleh Ibn Abi Usaibi'ah sebagai "*yang paling baik*".<sup>85</sup> Manakala kuantiti karya-karya beliau, samada dari sudut bilangan ataupun ketebalannya, boleh disifatkan - mengikut Dr. al-Tayyib - sebagai kuantiti karya-karya kritis dan pembaharuan dan bukannya kuantiti karya-karya komentar dan ulasan.<sup>86</sup> Oleh yang demikian kita dapati karya-karya Abu al-Barakat agak sedikit bilangannya dan agak nipis jika dibandingkan dengan karya tokoh-tokoh terdahulu yang banyak menulis komentar serta ulasan terhadap falsafah dan pemikiran-pemikiran sebelumnya.

Karya-karya beliau boleh dikategorikan sebagaimana berikut:

### a) Kategori karya-karya falsafah:

#### 1. Kitab al-Mu'tabar fi al-Hikmah<sup>87</sup>

---

<sup>83</sup>Lihat al-Zirikli, *al-A'lam*, j. 8, hlm. 74 dan Kahalah, *Mu'jam*, j.13, hlm. 143.

<sup>84</sup>Lihat al-Baghdadi, *Hadiyat*, j. 2, hlm. 505, *E.I.*, (Terj. Arab) art. *Abu al-Barakat*, G. Sarton (1975), *Introduction to the History of Science*, N. York, v. 2, p. 382. Barangkali pandangan ini bermaksud ia dikebumikan di Baghdad setelah dibawa dari Hamdzan.

<sup>85</sup>*Uyun*, j.1, hlm. 296.

<sup>86</sup>Lihat *Mauqif*, hlm. 29. Juga Dr. Suhair, *Falsafah Abi al-Barakat*, hlm. 23.

<sup>87</sup>Antara sumber-sumber yang meyebut tentang buku ini ialah al-Baihaqi, *Tarikh*, hlm. 152, \_\_\_\_, *Tatimmah*, hlm. 150-151, Ibn Abi Usaibi'ah, *Uyun*, j. 1, hlm. 299, al-Safadi, *Nukat*, hlm. 304 dan al-Baghdadi, *Hadiyat*, j. 2, hlm. 505. Buku ini adalah sumber utama falsafah Abu al-Barakat. Ia terbahagi kepada tiga bahagian: Mantik, al-'Ilm al-Tabi'i dan al-'Ilm al-Ilahi. Buku ini telah diterbitkan di Hyderabad, India pada tahun 1357H dan penulis telah mengedit satu juzuk darinya iaitu juzuk al-'Ilm al-Ilahi sebagai sebahagian dari disertasi sarjana bertajuk : *Al-Ilahiyat min al-Mu'tabar li Abi al-Barakat al-Baghdadi; Tahqiq wa Dirasat* di Fakulti Dar al-'Ulum, Universiti Kaherah pada tahun 1998.

2. Risalah fi al-'Aql wa Mahiyatuh<sup>88</sup>
3. Risalah fi al-Nafs<sup>89</sup>
4. Risalah fi al-Qadha' wa al-Qadar<sup>90</sup>

**b) Kategori karya-karya sains dan perubatan:**

1. Maqalat fi Sabab Zuhur al-Kawakib Lailan wa Ikhtifa'uha Naharan<sup>91</sup>
2. Ikhtisar al-Tasyrih - iaitu ringkasan terhadap pandangan Galen.<sup>92</sup>
3. Kitab al-Aqrabazin - mengenai komponen ubat-ubatan, merangkumi

---

<sup>88</sup>Lihat tentang buku ini Ibn Abi Usaibi'ah, *op.cit*, al-Safadi, *op.cit*, al-Baghdadi, *op.cit*, *E.J*, v. 8, art . *Hibat Allah* dan L.Leclerc, *Histoire*, t. 2, p. 31. Manuskripnya boleh didapati di Perpustakaan Leipzig bernombor (882, i). Brockelmann menyebut buku ini dengan judul *Kitab Sahih Adillat al-Naql fi Mahiyat al-'Aql*, lihat G.A.L, Supl. V. 1, p. 831. Risalah ini telah diedit oleh Dr. al-Tayyib dan diterbitkan oleh Institut Arkeologi Timur Perancis (L'Institut Francais D'Archéologie Orientale) sebagai petikan jurnalnya *Annales Islamologiques*, t. xvi, 1980 dengan tajuk *Un Traité D'Abu l-Barakat al-Baghdadi Sur L'Intellect*.

<sup>89</sup>Hanya al-Baihaqi yang menyebut tentang buku ini, lihat *Tarikh*, hlm. 152 dan *Tatimmat*, hlm. 150-151. Manuskripnya boleh didapati di Perpustakaan Aya Sofia, Istanbul bernombor 4800 dalam enam helaian dan bertarikh kurun kelapan Hijrah. Terdapat salinan manuskrip ini di Institut Manuskrip Arab (Ma'had al-Makhtutat al-'Arabiyah) di Kaherah bernombor (307-Falsafah) dan di Universiti Amerika di Beirut bernombor (Mic-A-195), lihat *Fihris al-Makhtutat Jami'at al-Amriki bi Bairut*.

<sup>90</sup>Lihat *E.J*, v. 8, art. *Hibat Allah* dan Steinschneider, *Ar. Lit. der Juden*, p.184 - dari Dr. al-Tayyib, *Mauqif*, hlm. 34. Risalah setakat ini tidak dijumpai dan mungkin telah hilang.

<sup>91</sup>Lihat tentang buku ini Ibn Abi Usaibi'ah, *'Uyun*, j. 1, hlm.299, al-Safadi, *Nukat*, hlm. 304 dan al-Baghdadi, *Hadiyat*, j.2, hlm. 505. Makalah ini masih belum diterbitkan dan manuskripnya terdapat di Perpustakaan Berlin bernombor 5671. Ia telah diterjemahkan ke Bahasa Jerman oleh E. Wiedemann dan diterbitkan dalam majalah *Eders Jahrbuch Fur Photographie*, Halle. 1909, p. 49-54. Ia kemudiannya telah diulang cetak dan diterbitkan dalam himpunan karya-karya Wiedemann yang diterbitkan oleh Institut Sejarah Ilmu-ilmu Arab dan Islam, Univ. Frankfurt berjudul *Gesammelte Schriftenzur arabisch-islamischen Wissenschaftsgeschichte*, 1 band, 1984, Frankfurt. Makalah ini telah disebut sebagai karya Ibn Sina dengan judul *Ru'yat al-Kawakib bi al-Lail la bi al-Nahar*, tetapi ia sebenarnya karya Abu al-Barakat, lihat *E.I*, (Terj. Arab), art. *Abu al-Barakat* dan C. Brockelmann, *G.A.L*, b.1.p.602 dan *Supl.*, b. 1, p. 831. Ibn Abi Usaibi'ah menyebut bahawa makalah ini dikarang untuk Sultan Ghiath al-Din Abi Syuja' Muhamad b. Malikshah, lihat *'Uyun, ibid*.

<sup>92</sup>Lihat tentang buku ini Ibn Abi Usaibi'ah, *Ibid*, al-Safadi, *Nukat, ibid*, al-Baghdadi, *Hadiyat, Ibid*, al-Zirikli, *al-A'lam*, j. 8, hlm. 74, Kahalah, *Mu'jam*, j. 13, hlm. 143, *E.J*, v. 8, p. 461, *J.E*, art. *Hibat Allah* dan L.Leclerc, *Histoire*, t. 2, p. 31.

tiga makalah tentang ilmu farmasi.<sup>93</sup>

4. Makalah fi al-Dawa' yang dikenali dalam Bahasa Aramaic dengan nama "*Barsha'ata*".<sup>94</sup>
5. Makalah fi al-Ma'jun yang dikenali dengan "*Amin al-Arwah*".<sup>95</sup>
6. Sub-komentari kepada Kitab al-Qanun fi al-Tib karangan Ibn Sina.<sup>96</sup>

Demikian karya-karya Abu al-Barakat dalam bidang falsafah, sains dan perubatan yang tercatat dalam sumber-sumber sejarah dan bibliografi. Manakala karya-karyanya dalam bidang lain ialah:

1. Kitab al-Tafsir,<sup>97</sup> iaitu tafsir Buku al-Jamiah dari Kitab Taurat yang dikarang di dalam Bahasa Arab dan ia dikatakan mempunyai nilai yang besar dari aspek falsafah.<sup>98</sup> Naskhah manuskripnya terdapat di Oxford, iaitu di Perpustakaan Bodlean, no. 131, di Bahagian Manuskrip Hebrew (Neubauer, "Cat. Bodl. Hebr. Mss." No.131) dan di Leningrad. Buku ini dikatakan dikarang pada tahun 1143M.<sup>99</sup>

---

<sup>93</sup>Lihat Ibn Abi Usaibi'ah, *op.cit.*, al-Safadi, *op.cit.* dan al-Baghdadi, *op.cit.* Juga Dr. al-Tayyib, *Mauqif*, hlm. 35. Kalimah *Aqrabazin* ini sebagaimana kata Haji Khalifah adalah kalimah Greek yang bermaksud "komponen" iaitu campuran komponen ubat-ubatan dan kaedahnya, lihat *Kasyf al-Zunun*, j. 1, hlm. 136.

<sup>94</sup>Lihat Ibn Abi Usaibi'ah, *op.cit.*, al-Safadi, *op.cit.*, al-Baghdadi, *op.cit.*, al-Zirikli, *op.cit.* dan *E.J*, *ibid.* Manuskrip makalah ini boleh didapati di Perpustakaan Aya Sofia, Istanbul, no. 3555 dan di Perpustakaan Umum Manisa (Gen. Kitablik Manisa) no. 1781/6 dari helaian 152b hingga 155a, lihat Ahmed Atsy, *al-Makhtutat al-'Arabiyah* fi Maktabat al-Anadul dalam *Jurnal Institut Manuskrip Arab* cet. 2, Kaherah 1993, j. 4, hlm.35. Ia juga terdapat di Perpustakaan Koprulu, Istanbul dalam kumpulan manuskrip bernombor 985, lihat *Catalogue of Manuscripts in the Koprulu Library*, Istanbul (IRCICA) j. 1, hlm. 501.

<sup>95</sup>Lihat Ibn Abi Usaibi'ah, *op.cit.*, al-Baghdadi, *op.cit.*, al-Zirikli, *op.cit.* Manuskripnya terdapat di Perpustakaan Umum Manisa no. 1781/7 dari helaian 155b hingga 157a, lihat A. Atsy, *op.cit.*

<sup>96</sup>Lihat *E.J*, v. 8, art. *Hibat Allah*.

<sup>97</sup>Lihat al-Baihaqi, *Tarikh*, hlm. 152 dan *Tatimmat*, hlm. 150.

<sup>98</sup>Lihat *E.I* (Terj. Arab), art. *Abu al-Barakat*.

<sup>99</sup>Lihat *E.J* dan *J.E*, *ibid.* Sebahagian dari risalah ini telah diterbitkan oleh Poznanski dalam majalah *Zeitschrift fur Hebraische Bibliographie (Z.H.B)*, bil. 16, 1913. Hlm. 32-36, lihat *E.J*, *ibid*, S. Pines, *Madzhab al-Dzarrat 'inda al-Muslimin*, hlm. 79. Ia kemudiannya telah diterbitkan oleh S. Pines dalam Bahasa Hebrew dalam majalah *Tarbiz*, v. xxxiii, 1964, p.198-213 dengan judul *A Study of Abu'l-Barakat's Commentary on the Ecclesiastes*.

2. Kitab fi al-Nahw al-'Ibri dalam Bahasa Arab, masih belum diterbitkan dan manuskripnya berada di Leningrad.<sup>100</sup>

Di samping itu terdapat sebilangan karya-karya lain yang didakwa sebagai karangan beliau tetapi ia sebenarnya mengikut sesetengah pengkaji, bukan dari karyanya. Karya-karya tersebut ialah :

1. Terjemahan lima buku dari Kitab Taurat
2. Risalah fi 'Uyun al-Masa'il.
3. Lauhat al-Nujum al-Thabitah.<sup>101</sup>

Namun dalam hal ini penulis dapati Sarton berpendapat sebaliknya khususnya berkaitan dengan buku yang terakhir ini iaitu buku *Lauhat al-Nujum al-Thabitah* atau "A Table of Star" sebagaimana yang disebut oleh beliau. Beliau berpendapat bahawa buku ini yang dinisbahkan kepada Zain al-Din Abi al-Barakat mungkin merupakan karya Abu al-Barakat.<sup>102</sup> Walau bagaimanapun penulis tidak dapat pastikan yang manakah diantara dua pandangan ini yang benar. Apa yang jelas ialah para sejarawan tidak menyebut sesuatupun tentang buku ini.

---

<sup>100</sup>Lihat *E.J* dan *J.E*, *ibid*.

<sup>101</sup>Lihat Dr. Tayyib, *Mauqif*, hlm. 36.

<sup>102</sup>Lihat *Introduction*, v.2, p.382.